

Pembangking harap berlaku rusuhan agar kerajaan dapat digulingkan — PM

Khobar angin sengaja disebar

UM 15 MAR 2001

Oleh ZULKEFLI HAMZAH

KUALA LIPIS 15 Mac — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata khabar angin mengenai pergaduhan di Jalan Klang Lama sengaja disebar supaya berlaku rusuhan agar kerajaan akhirnya dapat digulingkan.

Perdana Menteri turut berpendapat khabar angin itu ada kaitan dengan parti pembangkang yang cuba menghasut dan menggunakan orang miskin untuk mencetuskan bantahan.

Khabar angin yang disebar ini (mengenai pergaduhan di Jalan Klang Lama) adalah sesuatu yang dibuat oleh pihak-pihak tertentu. Kita tak berapa tahu latar belakang mereka.

Mereka sengaja membesar-besarkan cerita kononnya beratus-ratus orang Melayu telah dibunuh supaya orang Melayu naik marah dan saya tak tahu mungkin di kalangan orang India juga ada cerita yang sama katanya.

● Lagi laporan di muka 23, 14 dan 26

Kata Dr Mahathir lagi mereka seterusnya berharap rusuhan itu akan berterusan yang berkemungkinan menyebabkan kerajaan dijatuhkan seperti yang berlaku di sebuah negara lain.

Ini memang pun hasrat politik parti lawan. Sebab itu saya kata ada kaitan katanya yang juga Presiden UMNO kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli UMNO bahagian Lipis dan Raub di sini hari ini.

Sebab itulah tambah Dr Mahathir parti pembangkang sekarang begitu ghairah sekali untuk menunjukkan simpati kepada orang miskin.

Dia (pembangkang) tumpu kepada orang miskin dan kawasan setinggan menghasut orang miskin supaya membuat bantahan kononnya tengoklah kerajaan ini tidak mempedulikan nasib orang miskin.

■ Lihat muka 4

Khobar angin sengaja disebar

Dia cuba tunjuk simpati kepada orang-orang ini pergi ke hospital untuk melihar kononnya orang sakit. Bagi orang ini tidak ada sesuatu yang dibuat oleh mereka yang tidak ada kaitan dengan politik mereka, jelasnya.

Kata Dr Mahathir lagi parti pembangkang tidak ada keprihatinan terhadap nasib orang tetapi cuma untuk meraih keuntungan politik.

Beliau mengulas insiden pergaduhan di sekitar Jalan Klang Lama Khamis lalu.

Insiden terbaru yang dikatakan mempunyai kaitan dengan pergaduhan penduduk itu ialah serangan sekumpulan lelaki ke atas empat lelaki India di sebuah kuil di Puchong dekat Petaling Jaya malam kelmarin.

Polis menyifatkan kejadian itu satu perbuatan yang dilakukan

oleh pengkhianat yang sengaja mahu menggagalkan usaha mewujudkan kembali ketenteraman dan perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

Dr Mahathir seterusnya berkata atas sebab itu jugalah kerajaan meminta orang ramai jangan menyebarkan khabar angin kerana setiap khabar angin mempunyai tujuannya.

Khabar angin yang disebar bukan sekadar untuk bercerita tetapi mempunyai matlamat lain yang mungkin sengaja dicipta katanya.

(Sepatutnya) tidak boleh tahu lebih daripada apa yang polis tahu. Kita tahu berapa banyak orang yang mati, berapa banyak orang yang cedera tetapi nak cerita kata lebih daripada itu orang ini. Saya ingat ada matlamat tertentu, jelas beliau.